



Rujukan Kami : KPMSP.100-1/10/2 ( 24 )  
Tarikh : 5 Februari 2016

### SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

### PELAKSANAAN PENGGUNAAN SISTEM e-VETTING 2.0 DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM).

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah menarik perhatian YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Seperti YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK), Jabatan Perdana Menteri adalah merupakan kuasa pusat berkaitan dasar dan pengurusan tapisan keselamatan ke atas penjawat awam. Sehubungan itu, Pejabat KPKK telah membangunkan sistem *e-Vetting* 2.0 secara online bagi mempercepat dan memudahkan proses tapisan keselamatan penjawat awam dan telah digunakan sepenuhnya mulai 1 Februari 2016.

3. Walau bagaimanapun, didapati masih terdapat sebilangan kecil pegawai/ kakitangan Kementerian/ jabatan/ agensi telah mengemukakan permohonan tapisan keselamatan secara manual ke Pejabat KPKK. Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk mengemukakan permohonan tapisan keselamatan menggunakan sistem *e-Vetting* sepenuhnya mulai 1 Februari 2016 yang boleh dicapai melalui <https://evetting.cgso.gov.my>.

4. Bersama-sama ini juga dikemukakan salinan Surat Pelaksanaan Penggunaan Sistem *e-Vetting* 2.0 oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK) (No.Rujukan: KPKK(R)900-1 JLD.4(14) bertarikh 21 Disember 2015) untuk rujukan dan tindakan pihak YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan selanjutnya.



5. Kerjasama dan perhatian yang pihak YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berikan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"SEHATI SEJIWA"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(JAMIL BIN RAKON)**  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

KSU

KPPM

TKSU (P)

TKSU (PP)

TSUB (SM) K

Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras-1, 1 & 2 Blok B7  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62502 PUTRAJAYA**

Unit Registrasi (BRK)